Penang Development Corporation lwn Perusahaan Kimia Chip Heng Leong Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — GUAMAN SIVIL NO 22–985–84
T SELVENTHIRANATHAN H
4 FEBRUARI 1996

Acara Sivil *— Ketiadaan pendakwaan — Penolakan tindakan — Kelambatan yang melampau dan yang tidak dapat dimaafkan — Notis oleh mahkamah supaya plaintif menunjukkan sebab mengapa tindakan tidak harus ditolak — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 34 k 8(2)*

Acara Sivil *— Afidavit — Kandungan — Deponen menyatakan dia telah 'dinasihati dan sesungguhnya mempercayai' — Samada perlu mendedahkan sumber maklumat dan kepercayaan — Akibat kegagalan berbuat demikian*

Keterangan *— Pembuktian — Fakta —Cara meyakinkan mahkamah tentang kewujudan fakta-fakta — Akta Keterangan 1950 ss 3 & 60(1)*

Plaintif telah mengambil suatu tindakan terhadap defendan menuntut injunksi, ganti rugi dan kos kerana perbuatan defendan yang dikatakan membuang sisa-sisa industri, iaitu sisa-sisa buangan kelapa sawit ('sisa-sisa'), ke atas tanah plaintif yang bersebelahan dengan tanah defendan. Tindakan tersebut telah difailkan pada 29 November 1984 dan seterusnya pernyataan pembelaan difailkan pada 24 Disember 1984. Plaintif telah memohon injunksi bagi memaksa defendan mengalih sisa-sisa dari tanah plaintif. Setelah ditetapkan hari perbicaraan bagi permohon untuk injunksi sebanyak empat kali, namun perbicaraan masih ditangguhkan di atas permintaan plaintif atau kedua-dua pihak dengan tujuan menyelesaikan kes tersebut. Pada 13 Jun 1987, plaintif telah memfailkan permohonan untuk meminda pernyataan tuntutan yang mana telah dibenarkan pada 2 Mac 1988 tanpa sebarang bantahan dari defendan. Dalam pernyataan tuntutan terpinda, plaintif menggugurkan permohonannya untuk mendapatkan injunksi dan sebaliknya menuntut ganti rugi khas sebanyak RM93,517.20 sebagai kos kerja mengalihkan sisa-sisa tersebut. Pada 11 Julai 1988, saman untuk arahan telah difailkan oleh plaintif. Seterusnya, penolong kanan pendaftar mahkamah mengarahkan supaya kes tersebut ditetapkan untuk perbicaraan dalam tempoh 60 hari dari 30 November 1988. Namun, plaintif tidak mengambil apa-apa tindakan di dalam tempoh tersebut sepertimana yang telah diarahkan oleh mahkamah. Plaintif hanya memfailkan afidavitnya untuk menentusahkan senarai dokumen-dokumen pada 3 Julai 1989. Tiada tindakan yang diambil oleh plaintif selepas itu. Pada 28 Mac 1991, mahkamah membenarkan permohonan peguamcara defendan untuk menarik diri dari kes tersebut dan tiada

A sebarang tindakan susulan yang diambil selepas itu hinggalah 8 Februari 1995 apabila mahkamah mengeluarkan notis kepada kedua-dua pihak untuk menunjukkan sebab mengapa tindakan ini tidak patut ditolak mengikut A 34 k 8(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') kerana kegagalan plaintif untuk meneruskannya. Pada tarikh yang ditetapkan untuk menunjuk sebab, peguam plaintif B telah menghadiri mahkamah dan memaklumkan bahawa peguam defendan telah menarik diri dan draf perintah yang dihantar oleh peguam defendan ke mahkamah tidak dikembalikan dan oleh sebab itu, peguam plaintif tidak mengambil apa-apa tindakan. Beliau juga memohon supaya kes dipindahkan ke mahkamah sesyen dan C mengeluarkan notis meneruskan tindakan.

Diputuskan, menolak tindakan plaintif:

(1) Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa sekiranya sesuatu pihak ingin meyakinkan mahkamah tentang kewujudan fakta-D fakta yang memihaknya, pihak tersebut hanya boleh berbuat demikian melalui afidavit atau keterangan lisan atas sumpah dan bukan melalui kenyataan dari meja bar dan bukan tentang fakta-fakta dalam pengetahuan pihak lain (lihat ms 291E–F); *Toh Hock Thye & Ors v Toh Chwee Biow* [1982] 1 MLJ 152 dan *Kassim bin Sulong & Anor v Guthrie Estates Holdings Ltd & Ors* E [1993] 3 MLJ 303 diikut.

(2) Di mana seseorang deponen afidavit menyatakan bahawa beliau telah 'dinasihati dan sesungguhnya mempercayai' sesuatu, tetapi tidak mendedahkan sumber maklumat beliau atau orang yang telah menasihati beliau, maka penegasan itu adalah tidak baik, F kerana ianya merupakan keterangan dengarcakap (lihat ms 291H); *Kassim bin Sulong & Anor v Guthrie Estates Holdings Ltd & Ors* [1993] 3 MLJ 303 diikut.

(3) Prosiding tunjuk sebab adalah mengenai satu perkara muktamad di mana kes boleh ditolak sekiranya plaintif gagal menunjuk G sebab mengapa dia tidak meneruskan tindakan. Maka keterangan dengarcakap tidak boleh diterima di tahap prosiding tunjuk sebab (lihat ms 292A–B).

(4) Adalah menjadi kewajipan plaintif untuk memfailkan afidavit dengan melampirkan surat yang dihantar oleh peguam defendan sebagai eksibit serta draf perintah untuk kelulusan dan memberi H penjelasan tentang ketiadaan permohonan dari pihak plaintif sejak 28 Mac 1991 kepada mahkamah untuk arahan, iaitu dari masa peguam defendan dibenarkan menarik diri. Dengan itu tindakan ini wajar ditolak akibat kegagalan secara sengaja dari plaintif untuk meneruskannya serta terdapat kelambatan yang I melampau dan tidak boleh dimaafkan (lihat ms 292D–G);

Vasudevan v T Damodaran & Anor [1981] 2 MLJ 150; *Toh Hock Thye & Anor v Toh Chwee Biow* [1982] 1 MLJ 152 diikut. A

[English summary

The plaintiff had taken an action against the defendant claiming for an injunction, damages and costs for the defendant's acts of disposing B industrial waste, ie palm oil residual waste ('the waste') on the plaintiff's land which is situated beside the defendant's. The action was filed on 29 November 1984 and subsequently the statement of defence was filed on 24 December 1984. The plaintiff sought an injunction to compel the defendant to remove the waste from the C plaintiff's land. After the hearing date had been set to hear the application, the application had been postponed four times upon the request of both the plaintiff and defendant on the basis that they were working out an amicable settlement. On 13 June 1987, the plaintiff filed an application to amend the statement of claim which was allowed on 2 March 1988 without any objection from the defendant. D In the amended statement of claim, the plaintiff withdrew the application to obtain an injunction and instead claimed for damages amounting to RM93,517.20 as the cost of labour in removing the waste. On 11 July 1988 summons for directions was filed by the plaintiff. Subsequently the senior assistant registrar directed that the case be set for hearing within 60 days from 30 November 1988. E However the plaintiff did not take any action within the said period as directed by the court. The plaintiff only filed the affidavit to ascertain the list of documents on 3 July 1989. No further action was taken by the plaintiff after that. On 28 March 1991, the court allowed the application by the defendant's counsel to withdraw from F the case. There was no subsequent action taken until 8 February 1995 when the court issued a notice to both the parties to show cause as to why the action should not be dismissed under O 34 r 8(2) of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC') because of the plaintiff's failure to proceed with the action. On the appointed date to show cause, the plaintif's counsel attended court and informed the court G that the defendant's counsel had withdrawn from the case and that the draft order sent by the defendant's counsel to court had not been returned and therefore the plaintiff did not take any action. The plaintiff's counsel then applied for the case to be transferred to the sessions court and issued a notice proceed with the action. H

Held, dismissing the plaintiff's action:

(1) It is trite law that if any party wants to convince the court or the existence of any facts which are in his favour, they may only do so through affidavits or sworn oral evidence and not through I statements made from the bar and also, not by any facts in another party's knowledge (see p 291E–F); *Toh Hock Thye & Ors*

A *v Toh Chwee Biow* [1982] 1 MLJ 152 and *Kassim bin Sulong & Anor v Guthrie Estates Holdings Ltd & Ors* [1993] 3 MLJ 303 followed.

(2) Where the deponent of an affidavit states that he is 'advised and verily believes' something, but does not expose the source of his B information or the person who had advised him, the averment is not good at law, as it amounts to hearsay evidence (see p 291H); *Kassim bin Sulong & Anor v Guthrie Estates Holdings Ltd & Ors* [1993] 3 MLJ 303 followed.

(3) Show cause proceedings are about matters which are conclusive C whereby the case may be rejected if the plaintiff fails to show cause as to why he is unable to proceed with the action. Hearsay statements therefore should not be admissible at show cause proceedings (see p 292A–B).

(4) It was the duty of the plaintiff to file the affidavit enclosing the D letter sent by the defendant's counsel to court as an exhibit with the draft order for approval and to give an explanation as to why there was no application from the plaintiff to the court since 28 March 1991 for an order, that was from the time the defendant's counsel was allowed to discharge himself. Therefore, the action should be dismissed because of the plaintiff's intentional delay E and there was delay which was inordinate and inexcusable(see p 292D–G); *Vasudevan v T Damodaran & Anor* [1981] 2 MLJ 150 and *Toh Hock Thye & Anor v Toh Chwee Biow* [1982] 1 MLJ 152 followed.]

F **Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai kegagalan meneruskan tindakan, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) prenggan 3643–3656.

Untuk kes-kes mengenai keterangan afidavit, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1994 Reissue) perenggan 185–186.

G **Kes-kes rujukan**

Toh Hock Thye & Ors v Toh Chwee Biow [1982] 1 MLJ 152

Kassim bin Sulong & Anor v Guthrie Estates Holdings Ltd & Ors [1993] 3 MLJ 303

Vasudevan v T Damodaran & Anor [1981] 2 MLJ 150

H **Undang-undang rujukan**

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 34 k 8(2)

Akta Keterangan 1950 ss 3, 60(1) .

I *Lourdunathan Andrew* (*Andrew & Co*) untuk pihak plaintiff.

Defendant tidak hadir.

T Selventhiranathan H: Kes ini melibatkan suatu tindakan oleh plaintif terhadap defendan menuntut injunksi, ganti rugi dan kos kerana perbuatan defendan yang dikatakan membuang sisa-sisa industri, iaitu sisa-sisa buangan kelapa sawit ('sisa-sisa'), ke dalam tanah plaintif yang bersebelahan tanah defendan. Plaintif dikatakan hanya sedar atas tindakan defendan dalam bulan September 1982.

Tindakan ini difailkan pada 29 November 1984 dan pembelaan difailkan pada 24 Disember 1984. Pada 8 April 1985 plaintif memohon injunksi bagi memaksa defendan mengalih sisa-sisa dari tanah plaintif. Mengikut fail mahkamah, permohonan untuk injunksi lampiran (9) ini telah ditetapkan perbicaraan sebanyak empat kali tetapi tidak diteruskan. Penangguhan setiap kali diminta oleh pihak plaintif atau kedua-dua pihak dengan tujuan menyelesaikan kes. Tarikh perbicaraan akhir lampiran (9) pada 23 Januari 1986 ditangguh atas permintaan plaintif juga. Rekod dalam fail mahkamah tidak menunjukkan sebarang perkembangan tentang lampiran (9) selepas itu sehingga 13 Jun 1987.

Pada tarikh itu plaintif memfailkan permohonan melalui lampiran (15) untuk meminda pernyataan tuntutan yang mana telah dibenarkan pada 2 Mac 1988 tanpa bantahan daripada defendan. Dalam pernyataan tuntutan terpinda, plaintif menggugurkan permohonannya untuk injunksi dan sebaliknya menuntut ganti rugi khas RM93, 517.20 sebagai kos kerja mengalihkan sisa-sisa.

Saman untuk arahan difailkan oleh plaintif pada 11 Julai 1988 dan pada 30 November 1988 penolong kanan pendaftar mahkamah ini telah mengarahkan supaya kes ditetapkan untuk perbicaraan dalam tempoh 60 hari dari tarikh itu. Plaintif tidak mengambil apa-apa tindakan dalam tempoh itu bagi menetapkan perbicaraan kes ini sepertimana telah diarahkan oleh mahkamah.

Hanya pada 3 Julai 1989 sahaja plaintif memfailkan afidavitnya untuk menentusahkan senarai dokumen-dokumen. Tiada sebarang tindakan diambil oleh plaintif selepas itu. Pada 28 Mac 1991, atas permohonan peguamcara defendan, mahkamah membenarkannya menarikdiri dari bertindak sebagai peguamcara defendan.

Lepas itu tiada sebarang tindakan susulan diambil oleh mana-mana pihak sehingga 8 Februari 1995 apabila mahkamah sendiri mengeluarkan notis kepada kedua-dua pihak untuk menunjukkan sebab mengapa tindakan ini tidak patut ditolak mengikut A 34 k 8(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') kerana kegagalan plaintif meneruskannya.

Pada tarikh yang ditetapkan oleh mahkamah untuk menunjuk sebab, iaitu 25 Februari 1995, peguam plaintif menghadiri persidangan mahkamah dan memaklumkan mahkamah bahawa peguam defendan telah menarik diri dan draf perintah yang dihantar oleh peguam defendan ke mahkamah tidak dikembalikan dan sebab itu beliau, iaitu peguam plaintif, tidak mengambil apa-apa tindakan. Serentak dengan itu, beliau memohon supaya kes dipindah ke mahkamah sesyen dan melafazkan keinginannya untuk mengeluarkan notis meneruskan tindakan (mengikut A 3 k 6 KMT).

A Saya tidak menerima alasan peguam plaintif tentang kegagalan meneruskan tindakan atas sebab-sebab berikut:

(a) apabila plaintif meminda tuntutan dengan menggugurkan permohonan untuk injunksi dan sebaliknya menuntut ganti rugi khas bagi amaun yang kurang daripada RM100,000 dan dibenarkan
B berbuat demikian pada 2 Mac 1988, tindakan ini seterusnya menjadi suatu kes dalam bidang kuasa mahkamah sesyen tetapi tiada sebarang permohonan dibuat oleh peguam plaintif untuk memindahkan tindakan ini ke mahkamah sesyen sehingga diminta menunjukkan sebab mengapa tindakan ini tidak patut ditolak kerana kegagalan
C plaintif meneruskannya;

(b) plaintif tidak mematuhi perintah mahkamah yang dibuat pada *30 November 1988*, berekoran saman minta arahan, bagi menetapkan perbicaraan tindakan ini dalam tempoh 60 hari dari *30 November 1988* (permohonan peguam defendan untuk menarik diri hanya difailkan pada 1 November 1990, iaitu hampir dua tahun selepas
D perintah mahkamah);

(c) selain daripada kenyataan yang dibuat oleh peguam plaintif dari meja bar pada 25 Februari 1995 bahawa dia menunggu mahkamah mengembalikan draf perintah tentang penarikan diri oleh peguam defendan, tidak ada sebarang bukti, mahupun dalam fail ataupun
E melalui afidavit, tentang kebenaran kenyataan itu.

Adalah menjadi undang-undang mantap (trite law) bahawa sekiranya sesuatu pihak ingin meyakinkan mahkamah tentang kewujudan fakta-fakta yang memihaknya, pihak itu hanya boleh berbuat demikian melalui afidavit atau keterangan lisan atas sumpah dan bukan melalui kenyataan dari meja
F bar, dan bukan tentang fakta-fakta dalam pengetahuan pihak lain, iaitu peguam defendan di sini: sila rujuk kepada tafsiran 'fact' dalam ss 3 dan 60(1) Akta Keterangan 1950.

Sebagai penjelasan mengenai sebab-sebab di perenggan (c) di atas, dalam kes *Toh Hock Thye & Ors v Toh Chwee Biow* [1982] 1 MLJ 152,
G Mahkamah Persekutuan telah, semasa menolak rayuan daripada keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan kes plaintif kerana kegagalannya meneruskan tindakan, mengkritikkan ketiadaan keterangan melalui afidavit bagi menunjukkan sebab mengapa kes itu tidak patut ditolak atau dibatalkan seperti berikut, di ms 153 laporan kes tersebut: 'No affidavit evidence was at all filed by the appellants to answer the registrar's notice to show cause.'

H Dalam kes *Kassim bin Sulong & Anor v Guthrie Estates Holdings Ltd & Ors* [1993] 3 MLJ 303, Zakaria Yatim H (pada ketika itu) memutuskan bahawa di mana seseorang deponen afidavit mengatakan beliau telah 'dinasihati dan sesungguhnya mempercayai' (advised and verily believe) sesuatu tetapi tidak mendedahkan sumber maklumat beliau atau orang
I yang telah menasihati beliau, penegasan itu adalah tidak baik. Ianya merupakan keterangan dengarcakap (hearsay). Di mana suatu prosiding

adalah mengenai satu perkara muktamad dan bukannya perkara interlokutori, lebih-lebih lagi keterangan dengarcakap tidak boleh diterima. A

Saya terimapakai prinsip dalam kes itu bagi maksud kes ini di hadapan saya di mana tidak ada sebarang afidavit pun dari pihak plaintif yang membuktikan kenyataan-kenyataannya dari meja bar. Dalam kes ini, prosiding tunjuk sebab adalah mengenai satu perkara muktamad di mana kes boleh ditolak sekiranya plaintif gagal menunjuk sebab mengapa dia tidak meneruskan tindakan. Maka keterangan dengarcakap (walaupun sekiranya dikemukakan) tidak boleh diterima di tahap prosiding tunjuk sebab. Tambahan pula, dalam kes ini tiada satu afidavit pun difailkan bagi memperjelaskan kegagalan plaintif meneruskan tindakan bukan sahaja dari tarikh peguam defendan dibenarkan menarik diri pada 28 Mac 1991, bahkan juga *dari tarikh perintah mengenai saman minta arahan dibuat pada 30 November 1988 hingga tarikh pemfailan saman peguam defendan untuk menarik diri pada 1 November 1990*, iaitu tempoh hampir dua tahun. B C

Maka jelas bahawa pihak plaintif hendaklah menyalahi diri sendiri atas penolakan tindakan ini. Sekiranya benar peguam defendan menghantar draf perintah untuk kelulusan mahkamah, tentang mana langsung tidak ada sebarang bukti dalam fail, adalah menjadi kewajipan pihak plaintif untuk memfailkan afidavit dengan melampirkan sebagai eksibit surat yang dihantar oleh peguam defendan kepada mahkamah dengan draf perintah untuk kelulusan dan memberi penjelasan mengapakah plaintif sendiri tidak memohon kepada mahkamah untuk arahan sejak 28 Mac 1991, dari masa bila peguam defendan dibenarkan menarik diri. Sekiranya mahkamah tidak mengeluarkan notis tunjuk sebab, sudah tentu tindakan ini seterusnya terbenam dengan tindakan-tindakan lain di mahkamah di mana pihak-pihak berkenaan langsung tidak menunjuk minat meneruskan tindakan-tindakan itu. Kesimpulannya, tindakan ini wajar ditolak kerana kegagalan pihak plaintif meneruskannya dalam keadaan di mana pihak plaintif nyata telah gagal dengan sengaja berbuat demikian (guilty of intentional and contumelious delay) dan di mana terdapat kelambatan yang melampau dan tidak boleh dimaafkan (inordinate and inexcusable delay) sepertimana telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes-kes *Vasudevan v T Damodaran & Anor* [1981] 2 MLJ 150 dan *Toh Hock Thye & Ors v Toh Chwee Biow* [1982] 1 MLJ 152. D E F G

Tuntutan ditolak.

Dilaporkan oleh Hanim Kamaruddin H

I